

SOALAN-SOALAN LAZIM (SSL)

PASCA MORATORIUM*

1



Adakah terdapat sebarang perubahan pada moratorium automatik yang diumumkan sebelum ini?

Tidak. Moratorium masih berjalan secara automatik. Pembiayaan akan dilanjutkan selama 6 bulan.

Moratorium akan dilaksanakan secara automatik untuk semua Pembiayaan Runcit, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sekiranya akaun pembiayaan memenuhi kriteria ini:

- tidak tertunggak melebihi 90 hari pada 1 April 2020; dan
- dalam mata wang Ringgit Malaysia.

Sementara itu untuk pelanggan korporat, program penanguhan pembiayaan (moratorium) akan diurus atas permintaan berdasarkan kes. Sila hubungi Pengurus Perhubungan masing-masing untuk mendapatkan nasihat lanjut.

2



Adakah akan ada caj tambahan atau yuran tambahan?

Tiada caj atau yuran tambahan dikenakan.

3



Adakah saya perlu memberikan persetujuan untuk kelayakan moratorium?

Tiada persetujuan diperlukan daripada pelanggan Runcit dan pembiayaan SME yang layak (tidak termasuk Pembiayaan Sewa beli Kenderaan).

Untuk pelanggan Pembiayaan Sewa Beli Kenderaan, sila isikan borang ([klik di sini](#)) dan e-mel kepada enquiry@mbsbbank.com sebelum 30 Jun 2020.

Sementara itu kepada pelanggan korporat, sila hubungi Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan nasihat lanjut.

Untuk maklumat terperinci, sila e-melkan kepada enquiry@mbsbbank.com atau hubungi Pusat Kkhidmat Pelanggan kami di 03-20963000.

4



Bilakah moratorium akan berakhir?

Moratorium akan berakhir pada 30 September 2020 dan bayaran bulanan akaun pembiayaan anda akan bermula pada 1 Oktober 2020.

SSL PASCA MORATORIUM

5



Saya mampu meneruskan bayaran bulanan saya. Apakah cara yang sesuai untuk saya jelaskan jumlah yang tertangguh selama 6 bulan ini?

Jumlah bayaran yang tertangguh selama 6 bulan akan membuatkan tempoh pembiayaan anda dilanjutkan. Tetapi jika pelanggan tidak ingin melanjutkan tempoh pembiayaan, sila e-mel pada kami di enquiry@mbsbbank.com atau hubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03-20963000.

Permohonan perlu dikemukakan kepada MBSB Bank sebelum 31 Julai 2020 agar penyelesaian dapat dicapai sebelum akhir tempoh penangguhan.

6



Apa yang perlu saya lakukan sekiranya saya tidak mampu untuk menyambung semula bayaran dengan jumlah bayaran bulanan yang sama?

Pelanggan yang tidak mampu menyambung bayaran bulanan mereka disarankan untuk memohon Penjadualan Semula akaun, bagaimanapun ia tertakluk pada penilaian dan kelulusan pihak Bank.

Penjadualan Semula adalah pemanjangan tempoh bayaran balik untuk mengurangkan jumlah bayaran bulanan. Tempoh lanjutan adalah tertakluk pada usia persaraan.

Sebarang permohonan Penjadualan Semula sebelum 31 Disember 2020, akaun tersebut tidak akan diklasifikasikan sebagai "Penjadualan Semula" di dalam rekod CCRIS.

Sila rujuk perkara 17 untuk contoh jadual bayaran.

7



Berapakah jumlah yang perlu saya jelaskan sekiranya saya memilih untuk meningkatkan jumlah bayaran bulanan untuk mengekalkan tempoh pembiayaan?

Untuk penyelesaian yang sesuai dengan keadaan kewangan anda, sila hubungi kami melalui e-mel ke enquiry@mbsbbank.com atau hubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03-20963000.

8



Saya telah membuat potongan gaji dengan majikan saya untuk bayaran bulanan akaun pembiayaan saya, ia telah dihentikan kerana moratorium. Bagaimana saya harus menyambung semula selepas moratorium?

MBSB Bank akan berurusan terus dengan agensi yang terlibat untuk meneruskan pemotongan bayaran bulanan anda pada bulan Oktober 2020. Walau bagaimanapun, sekiranya pemotongan tersebut tidak dibuat tepat pada waktunya, anda perlu membuat pembayaran terus kepada kami di mana-mana cawangan atau menerusi Perbankan Internet MBSB Bank.

SSL PASCA MORATORIUM

9



Saya mempunyai Arahan Tetap sedia ada dengan

i) MBSB Bank atau
ii) Institusi Kewangan lain untuk pembayaran bulanan yang telah dihentikan kerana moratorium.


Bagaimanakah untuk saya menyambung Arahan Tetap?

MBSB Bank telah mengaturkan untuk memulakan pemotongan mulai 1 Oktober 2020.

Sekiranya anda mempunyai Arahan Tetap dengan Insituti Kewangan lain, anda perlu memberitahu Insituti Kewangan tersebut untuk memulakan pemotongan pada Oktober 2020.

Sekiranya kami tidak menerima bayaran atau pemotongan tidak dapat dilakukan tepat pada waktunya, anda perlu membuat bayaran terus kepada kami.

10



Hartanah saya kini dalam proses pembinaan dan saya sedang menikmati Tempoh Penangguhan Keuntungan 'Grace Profit Period' (GPP) moratorium selama 6 bulan. Berapakah jumlah GPP bulanan apabila saya meneruskan bayaran selepas moratorium?

Sekiranya pembiayaan anda belum dikeluarkan sepenuhnya sebelum moratorium berakhir, MBSB Bank akan mengeluarkan Penyata Caj yang menunjukkan pembayaran GPP yang akan dibayar pada bulan tersebut.

Pembayaran GPP dikira berdasarkan jumlah yang dikeluarkan sehingga kini, keuntungan semasa yang dikenakan dan jumlah hari untuk bulan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika pembiayaan anda telah dikeluarkan sepenuhnya semasa moratorium tersebut berkuat kuasa, bayaran/ansuran bulanan akan bermula selepas tempoh moratorium berakhir.

Sebagai alternatif, anda boleh mendaftar dan menyemak bayaran yang perlu dibayar dalam Perbankan Internet MBSB Bank 'M Journey' kami.

11



Adakah bayaran yang ditangguhkan menjejaskan rekod CCRIS saya?

Tidak. Rekod CCRIS anda tidak akan terjejas dalam tempoh moratorium.

SSL PASCA MORATORIUM

12



Adakah akaun saya akan terjejas dengan kadar tertunggak (*default rate*) memandangkan tiada bayaran selama tempoh 6 bulan moratorium?

Tidak. Anda tidak akan dikenakan kadar tertunggak semasa tempoh moratorium.

Tetapi jika akaun anda mempunyai tunggakan selama 3 bulan, (kurang dari 90 hari tarikh tamat) sebelum moratorium tersebut berkuatkuasa dan anda gagal menjelaskan bayaran/ansuran bulanan berikutnya setelah tamat tempoh moratorium, maka kadar tertunggak akan dikenakan.

13



Sekiranya pembiayaan saya dikeluarkan sepenuhnya selepas 1 April 2020, adakah akaun saya layak untuk moratorium?

Sekiranya pembiayaan anda dikeluarkan sepenuhnya selepas 1 April 2020, moratorium tidak akan diberikan secara automatik. Walau bagaimanapun, anda boleh memohon moratorium melalui e-mel ke enquiry@mbsbbank.com atau menghubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03-20963000.

Permohonan ini tertakluk kepada penilaian dan kelulusan Bank dengan terma dan syarat yang harus dipenuhi dengan sewajarnya.

14



Sekiranya saya memilih keluar dari moratorium pada 1 Julai 2020, adakah saya perlu segera melunaskan bayaran bulanan pada bulan April hingga Jun 2020? Bolehkah saya memohon bayaran berperingkat dan adakah saya perlu membayar keuntungan / faedah tambahan?

Sekiranya anda memilih untuk keluar dari moratorium, sila hubungi kami melalui e-mel ke enquiry@mbsbbank.com atau menghubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03-20963000, untuk mendapatkan nasihat dan mengenal pasti pilihan yang paling sesuai dengan keadaan kewangan anda.

Secara umum, jumlah keseluruhan bayaran yang ditangguhkan akan menghasilkan jangka masa pembiayaan yang lebih lama atau dilanjutkan yang merangkumi:

- Untuk pembiayaan Islam, keuntungan yang berterusan untuk perolehan jumlah pokok tertunggak. Walau bagaimanapun, keuntungan tersebut tidak akan dikompoun selaras dengan prinsip Syariah.
- Untuk pinjaman konvensional, faedah yang terus dikenakan ke atas jumlah tertunggak merangkumi bahagian baki prinsipal dan faedah (iaitu dikompoun) semasa tempoh moratorium.

Sila rujuk kepada jadual perkara 17 untuk jadual bayaran.

15



Sekiranya saya tidak memilih tawaran moratorium sebelum ini tetapi kemudian memutuskan untuk menyertainya, adakah saya layak untuk moratorium 6 bulan?

Anda boleh memohon moratorium melalui e-mel ke enquiry@mbsbbank.com atau menghubungi talian Khidmat Pelanggan kami di 03-20963000.

Permohonan ini tertakluk kepada penilaian dan kelulusan Bank dengan terma dan syarat yang harus dipenuhi dengan sewajarnya.

SSL PASCA MORATORIUM

16



Sekiranya saya gagal membayar akaun pembiayaan / pinjaman selama 2 bulan sebelum Moratorium, adakah CCRIS saya akan terus menunjukkan tunggakan 2 bulan apabila moratorium bermula pada 1 April 2020?

Ya, status akaun pada 31 Mac 2020 tetap tidak berubah sepanjang tempoh moratorium, kecuali jumlah tunggakan dijelaskan semasa moratorium. Anda juga boleh memohon Penjadualan Semula akaun.

Sebarang permohonan penjadualan semula yang diterima pada atau sebelum 31 Disember 2020, tidak akan diklasifikasikan sebagai "Penjadualan Semula".

17 Jadual bayaran untuk produk Runcit

	Pembiayaan / Sewa Beli Kenderaan	Pembiayaan Peribadi/ Pembiayaan hartanah (Kadar Tetap)	Pembiayaan Peribadi/ Pembiayaan hartanah (Kadar Berubah)	Gadai Janji (Konvensional)
Baki Belum Dijelaskan @ 31/03	114,290.00	32,505.00	416,283.92	375,339.55
Bayaran Bulanan/Ansuran	1,971.00	525.00	1,070.00	2,456.00
Tarikh Matang	21/01/2025	01/05/2025	01/12/2039	01/03/2041
Moratorium	6 bulan			
Baki Belum Dijelaskan @ 30/09	114,290.00	32,505.00	416,283.92	377,795.55
Bayaran Bulanan/Ansuran	1,971.00	525.00	1,070.00	2,456.00
Tarikh Bayaran Seterusnya	21/10/2020	01/10/2020	01/10/2020	01/10/2020
Tarikh Matang (Pasca Moratorium)	21/07/2025	01/11/2025	01/06/2040	01/09/2041

- Tidak ada perubahan pada jumlah bayaran bulanan, tetapi tarikh matang dilanjutkan untuk semua produk di atas.
- Walau bagaimanapun untuk produk Kadar Berubah bayaran bulanan tertakluk kepada sebarang perubahan dalam Kadar Dasar / Kadar Pembiayaan Asas.
- Tarikh bayaran bulanan untuk Pembiayaan / Sewa Beli kenderaan akan mengikuti setiap tarikh seperti dalam perjanjian masing-masing pada bulan Oktober 2020.
- Untuk pinjaman konvensional, akan terdapat peningkatan jumlah pada bayaran bulanan / ansuran yang terakhir.

* Untuk Pelanggan Pembiayaan Runcit & Perusahaan Kecil, Sederhana

* Untuk tujuan Soalan Lazim ini, harap maklum mengenai perkara berikut:

1. Istilah akaun konvensional yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun konvensional dibawah Malaysia Building Society Berhad (No. Pendaftaran: 197001000172/9417-K); dan
2. Istilah Islamik/ Shariah yang digunakan adalah dimaksudkan dan merujuk kepada akaun Islam dibawah MBSB Bank Berhad (No. Pendaftaran: 200501033981/716122-P).